

KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

CADANGAN UNTUK ANUGERAH BIASISWA PENUH DALAM IJAZAH PERTAMA PERUBATAN KEPADA SEORANG ANAK PEGAWAI/PAKAR PERUBATAN

1.0 TUJUAN

1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan memberi anugerah biasiswa penuh dalam ijazah pertama perubatan untuk satu orang anak pegawai/pakar perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggu dan Kementerian Pertahanan

2. LATAR BELAKANG

2.1 Sistem penganugerahan biasiswa penuh kepada anak pegawai perubatan atau pakar perubatan adalah satu ganjaran khas yang telah pun dilaksanakan untuk beberapa tahun dahulu. Kemudahan ini diberhentikan pada satu masa dahulu oleh kerana kegawatan ekonomi yang teruk. Pada masa ini, ekonomi negara semakin pulih dan pada masa yang sama keperluan doktor-doktor di Negara ini adalah masih berkurangan.

- 2.2 Satu daripada keperluan asas seorang adalah pembelajaran yang baik untuk menjamin masa depan yang cerah. Ini adalah satu tugas seorang ibubapa kepada anak terutamanya dalam tradisi kami di Malaysia dan Asia secara amnya.
- 2.3 Kos pembelajaran di institut pengajian tinggi semakin meningkat terutamanya untuk pengajian perubatan. Kami peka kepada kesusahan kerajaan untuk memberi ganjaran kewangan yang tinggi kepada pegawai perubatan dan pakar perubatan sahaja. Ini telah mengakibatkan ramai doktor-doktor kerajaan meletak jawatan untuk berkhidmat ke sektor swasta dan dana yang secukupnya dan ini adalah untuk menbiayai kos institut pengajian tinggi.

3.0 ASAS PERTIMBANGAN

- 3.1 Kemudahan biasiswa untuk seorang anak pegawai perubatan atau pakar perubatan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dengan kerajaan akan mengekalkan lebih pegawai-pegawai ini di kerajaan.
- 3.2 Cadangan ini akan memberi manfaat kepada kerajaan secara langsung kerana jumlah doktor yang sedia ada dengan kerajaan dapat dimantapkan kerana setiap doktor yang bakal bersara pada satu masa nanti akan diganti oleh seorang anaknya.
- 3.3 Langkah ini dapat mengisikan jawatan-jawatan pegawai-pegawai atau pakar-pakar perubatan dan pengambilan doktor dari luar negeri boleh dikurangkan. Ini dengan secara langsung akan mengurangkan pengaliran wang ke luar negara.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan kewangan. Walaubagaimanapun, ini akan merupakan satu cara mengurangkan doktor-doktor meninggalkan perkhidmatan untuk berhijrah ke perkhidmatan kesihatan swasta.
- 4.2 Walaubagaimanapun, implikasi kewangan ini tidaklah begitu tinggi kerana pihak Jabatan Perkhidmatan Awam boleh memperuntukkan biasiswa khas ini untuk calun-calun yang layak kepada anak-anak pegawai perubatan atau pakar perubatan daripada jumlah biasiswa yang ditawarkan kepada calun-calun yang memohon secara biasa.

5.0 KESIMPULAN

- 5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih insentif untuk pakar-pakar/doktor-doktor tempatan untuk berkhidmat sebagai pegawai perubatan atau pakar perubatan di kerajaan
- 5.2 Langkah ini akan memastikan jumlah calun pegawai perubatan atau pakar perubatan yang sama tanpa mengalami kekurangan selepas ibu-bapa bersara.

6.0 SYOR

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk menimbangkan syor untuk memberi anugerah biasiswa khas ijazah perubatan kepada seorang anak pegawai perubatan atau pakar perubatan yang telah berkhidmat untuk lebih 15 tahun.